



BATIK SEBAGAI SEMIOTIK BANDAR: KUALA LUMPUR DAN KUASA HALUS SENI AWAM

Oleh : Azlan Zambry

Jurufoto : Fairuz Mustaffa | Alifaizul Zainal Abidin

Dalam kehidupan sebuah kota, ada masa tertentu di mana bandar itu harus berhenti bertanya “ke mana aku menuju?” dan mula bertanya “siapa aku sebenarnya?”. Kuala Lumpur kini berada dalam detik itu.

Di tengah kepesatan Pembangunan dengan bangunan pencakar langit yang tumbuh bagai cendawan selepas hujan, apakala setiap inci tanah yang disukat dengan meter persegi ekonomi, bandar raya ini secara diam memilih bahasa baharunya sendiri, bahawa bahasa yang tidak lahir dari batu marmar atau keluli tetapi daripada sebuah tradisi yang sudah beratus tahun yang menjadi kebanggaan seisi Nusantara iaitu batik.

Dengan menjadikan mural batik sebagai wajah bandar raya melalui projek DBKL seperti Batik Madani di Jalan Parlimen, Kuala Lumpur tekad mengangkat seni warisan menjadi dialek visual metropolitan. Di sinilah kita melihat bagaimana sebuah kota berkumpul dalam tenunan motifnya sendiri untuk menemukan semula makna.





Batik diangkat menjadi nafas sebuah kota

Batik bukan sekadar motif yang dicetak pada kain atau menjadi busana rasmi di hari Khamis oleh penjawat awam. Ia adalah hikayat bangsa, bahasa visual yang merentas kaum, umur dan zaman. Namun, Kuala Lumpur melalui DBKL telah memberi tafsiran baharu terhadap warisan agung ini, bahkan ia bukan lagi di tubuh manusia, tetapi di dinding dan bukan lagi melambai di majlis keramaian, tetapi berdiri sebagai wajah kota di jalan raya utama. Inilah yang kita lihat di Jalan Parlimen, lokasi yang membawa simbol kuasa, pentadbiran dan ketamadunan.

Dalam teori semiotik bandar, simbol budaya yang diperbesarkan menjadi komunikasi ruang. Ia bukan lagi hiasan, sebaliknya memaparkan mesej. Mural batik menjadi gateway image, penanda bahawa Kuala Lumpur punya akar yang kukuh, identiti dan naratif sendiri walau ditenggelami globalisasi. DBKL memilih batik bukan kerana kecantikan dan keunikan semata-mata, tetapi kerana ia betul pada makna. Di laluan utama yang membina peradaban negara, batik menjadi bahasa yang mempersilakan kehadiran pelancong dan warga kota untuk memahami Kuala Lumpur bukan sebagai bandar raya tanpa jiwa, tetapi sebagai tempat yang menjahit tradisi ke dalam modeniti. DBKL turut menjelaskan bagaimana setiap reka bentuk dipilih melalui penilaian panel teknikal, pemahaman sensitiviti budaya, serta penyelarasan identiti ruang. Pendekatan ini bukan kosmetik, tetapi pembinaan karakter untuk Kuala Lumpur, sesuai dengan imejnya. Selain itu, ia satu pujian kerana sesuatu yang jarang dan berani dilakukan oleh bandar Asia lain yang lebih sibuk mengejar bangunan tinggi daripada membina akar budayanya.

Seni awam dan psikologi bandar

Mungkin dalam kalangan kita berfikir bahawa seni awam hanya sejenis hiburan mata sahaja. Tetapi bagi bandar-bandar moden, seni ialah alat yang mengubah tingkah laku, menundukkan ketakutan, dan menyalakan kembali ruang yang mati. DBKL memahami dengan mendalam falsafah ini lalu meletakkan mural batik di kawasan gelap dan usang sebagai intervensi psikologi. Dalam teori CPTED (Crime Prevention Through Environmental Design), warna cerah dan visual besar memberi kesan bahawa kawasan dipantau, tersusun, dan tidak lagi menjadi zon gelap yang mengundang jenayah.

Mural batik berskala besar di Jalan Parlimen memberi "efek pengawasan simbolik", sekali gus memupuk perasaan manusia untuk merasa lebih selamat walaupun tiada tiang kamera di situ. Warna yang terang bukan hanya menutup dinding lama, tetapi membuka ruang baharu dalam jiwa warga kota. Itulah kelebihan seni kerana ia mampu mengubah persepsi tanpa memaksa dan mengubah tingkah laku tanpa mengugut.

Dan seperti biasa, manusia tidak sekadar melihat, sebaliknya mereka merakam. Lalu wujud fenomena baharu yang dipanggil oleh pengkaji bandar sebagai Instagram-led Urban Activation dimana teori ruang mati yang dihidupkan semula oleh kuasa kamera telefon. Mural batik menjadi magnet serta mendorong warga kota dan pelancong merakam gambar. Ia berjaya mengubah laluan berkenaan yang sebelum ini dilalui dengan perasaan hambar bertukar menjadi tempat yang dikongsi ke serata dunia. Kuala Lumpur, tanpa slogan, tanpa papan tanda telah diperkenalkan semula sebagai kota seni melalui batik yang selama ini dianggap hanya tradisi domestik.

DBKL juga turut memastikan mural ini bukan sekadar cantik untuk tempoh masa sebulan dua. Misalnya, DBKL mewajibkan cat anti-UV, lapisan anti-grafiti, piawaian teknikal, serta penyelenggaraan berkala menjadi tulang belakang. Pengawasan dan standard ini dilaksanakan bagi memberikan ketahanan terhadap factor cuaca selain ia mampu tahan lebih lama.

Batik dan masa depan jenama bandar

Kuala Lumpur kini memanfaatkan batik sebagai bentuk soft power yang bukan lagi dalam majlis diplomatik tetapi di tembok jalan protokolnya. Seperti Melbourne dengan laneway art-nya, Amsterdam dengan lorong kreatifnya, dan Seoul dengan mural perumahannya, Kuala Lumpur kini menyertai kelompok bandar raya yang menjadikan seni sebagai strategi jenama.

Lebih jauh, mural batik adalah sebahagian daripada visi besar City Creative Corridor yang akan menghubungkan Jalan Parlimen ke Bukit Nanas, Medan Pasar, Petaling Street, Jalan Alor dan Lorong Haji Taib. Batik bukan sekadar mural bahkan ia menjadi benang yang menyatukan seluruh laluan seni ini.

Semua ini berdiri atas model Public, Private, People, Partnership. DBKL sebagai penjaga infrastruktur dan pemilik premis bertindak sebagai penjaga fasad, komuniti sebagai mata dan telinga dan NGO seni sebagai tenaga kreatif.

Kuala Lumpur kini membuktikan sesuatu yang lama kita abaikan, bahawa identiti bandar raya bukan diukur pada bangunan, tetapi pada jiwa. Dan jiwa Kuala Lumpur pada era ini, sedang ditenun semula melalui motif batik di tembok jalan.

